

378 mangsa banjir masih berada di pusat pemindahan

04/12/2006 um

IPOH 3 Dis. - Seramai 378 mangsa banjir di daerah Perak Tengah dan Manjung yang dipindahkan sejak empat hari lepas masih berada di pusat pemindahan.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir berkata, 214 penduduk Kampung Padang Serai di Pantai Remis ditempatkan di Sekolah Agama Rakyat kampung itu berikutan air Sungai Beruas dan Sungai Rotan melimpah ekoran hujan lebat.

Air di kawasan tersebut masih berada pada paras sedalam 1 meter sehingga petang ini, katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Sementara itu, seramai 164 penduduk Kampung Parit Enam, Layang-Layang Kiri, Parit juga masih berada di pusat pemindahan Sekolah Agama Rakyat Parit Enam selepas kampung mereka ditenggelami air sedalam antara 0.5 meter dan 1.3 meter sejak tiga hari lepas.

Bagaimanapun katanya, air di kampung berkenaan sudah surut pagi ini dan mereka dibenarkan membersihkan rumah mereka tetapi tidak dibenarkan pulang sehingga mendapat kelulusan daripada Pejabat Daerah.

Mereka dijangka pulang ke rumah masing-masing esok sekiranya keadaan banjir pulih, katanya.

- Bernama